

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi mengekang fenomena sewa atas sewa kerana terdapat pemberian lesen penjaja kepada mereka yang bukan penjaja. Masalah ini telah menyebabkan penyewa yang betul-betul berniaga tidak mendapat sebarang bantuan Kerajaan kerana tiada lesen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak membenarkan penjaja untuk memindah milik lesen kepada mana-mana pihak lain. Perkara ini dinyatakan dengan jelas di Perkara 10 (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

Anggota DBKL melaksanakan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan pelesen mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan dan tiada pelanggaran syarat atau menyalahgunakan lesen seperti aktiviti sewaan kepada warga asing. Sekiranya, pelesen didapati telah melanggar syarat-syarat lesen, tindakan pembatalan lesen akan dibuat ke atas premis berkenaan.

Pada tahun 2019 DBKL telah membatalkan sebanyak 35 pelesen yang didapati telah menyewakan unit mereka kepada pihak lain dan tindakan berterusan akan dibuat bagi memastikan aktiviti sewaan kepada pihak lain dapat dibentaras daripada berlaku.

Sekian, terima kasih.